

MAHATHIR-PERPADUAN

KUALA LUMPUR, 20 APRIL (BERNAMA) -- USAHA MEMBENTUK BANGSA MALAYSIA DAN MEMELIHARA PERPADUAN ANTARA KAUM, HANYA DAPAT DICAPAI SEKIRANYA SETIAP KAUM MEMIKIRKAN SAMA KEPENTINGAN ORANG LAIN DALAM SETIAP TINDAKAN MEREKA. KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA SETIAP KAUM MEMPUYAI TANGGUNGJAWAB YANG SAMA DALAM MENENTUKAN NASIB NEGARA DAN NASIB RAKYAT SETERUSNYA.

+ KADANG-KADANG ADA SESUATU KAUM YANG MENGAMBIL TINDAKAN SEMATA-MATA BAGI KEPENTINGAN KAUMNYA SENDIRI DAN BERSIKAP MENGENEPIKAN AKIBAT BURUKNYA KEPADA KAUM LAIN,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN KONVENSYEN PEMBANGUNAN BANGSA MALAYSIA DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA SETIAP KAUM PERLU SEDAR BAHAWA JIKA SESUATU TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH MEREKA MERUGIKAN KAUM LAIN, BERMAKNA KESAN BURUK ITU AKAN JUGA DIRASAI OLEH MEREKA SENDIRI.

INI KERANA DALAM KEHIDUPAN MODERN KINI, TIDAK SEORANG PUN YANG DAPAT MENGASINGKAN DIRI DARIPADA ORANG LAIN.

TIDAK ADA KUMPULAN ATAU KESATUAN YANG BOLEH MEMULAUKAN DIRI DARIPADA KUMPULAN LAIN DALAM NEGARA INI, TEGAS BELIAU. -- LAGI.
1422MST 20 04 86

U B184 DEB

MAHATHIR-PERPADUAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATI RAKYAT BAHAWA BANGSA MALAYSIA IALAH SATU PEMBENTUKAN YANG BUKAN SEMULAJADI, KERANA ITU IA MEMERLUKAN USAHA BERSAMA.

MALAYSIA TIDAK WUJUD KERANA PENDUDUKNYA TERDIRI DARIPADA SATU KAUM. JIKA RAKYAT BENAR-BENAR INGIN MEWUJUDKAN SATU BANGSA MALAYSIA, IA PERLU DIUSAHAKAN SECARA +SEDAR DAN SENGAJA+, KATA BELIAU.

KATANYA USAHA KE ARAH ITU SEMEMANGNYA MEMPUYAI PELBAGAI MASALAH DAN INI TERBUKTI SETELAH MERDEKA BEGITU LAMA, TETAPI MASALAH PERPADUAN MASIH LAGI WUJUD.

+JANGAN KITA KECEWA DENGAN PENCAPAIAN SETAKAT INI, SEBALIKNYA TEKADKAN USAHA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT YANG DICITA-CITAKAN,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI MENEGUR GOLONGAN TERPELAJAR YANG SEPATUTNYA DAPAT DIHARAPKAN MEMBANTU KERAJAAN MENCAPAI PERPADUAN, TETAPI GOLONGAN INI YANG BANYAK MENIMBULKAN KEKELIRUAN. -- LAGI.
1423MST 20 04 86

U B185 DEB

MAHATHIR-PERPADUAN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA TIADA USAHA DI KALANGAN MUDA MUDI PERINGKAT MAKTAB DAN UNIVERSITI UNTUK MEMBENTUK PERPADUAN KERANA MEREKA TERLALU MENGIKUT PENDAPAT SESETENGAH GOLONGAN YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN TERTENTU YANG TIDAK INGIN NEGARA KEKAL DALAM KEADAAN AMAN DAN MAJU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MAHUKAN USAHA PERINGKAT AKADEMIK DIPERBANYAKKAN KE ARAH PENCAPAIAN PERPADUAN RAKYAT.

KERTAS KERJA DI UNIVERSITI ATAU PADA SEMINAR PERLU MENEKANKAN PERKARA INI UNTUK MEWUJUDKAN KESEDARAN DAN KEFAHAMAN YANG LEBIH MENDALAM DI KALANGAN RAKYAT TENTANG PENTINGNYA PERPADUAN SEBAGAI ASAS KEJAYAAN NEGARA, KATANYA.

BELIAU, BAGAIMANAPUN PUAS HATI DENGAN PERKEMBANGAN POLITIK NEGARA YANG SEMAKIN CENDERUNG MEMENTINGKAN PERPADUAN KAUM UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN DALAM PERJUANGAN MEREKA.

MALAH ADA PARTI POLITIK YANG SEBELUM INI BEGITU TEBAL DENGAN SIKAP PERKAUMAN DAN PANDANGAN YANG SEMPIT, TELAH MULA MEWUJUDKAN HUBUNGAN DENGAN KAUM LAIN, KATANYA. -- LAGI.

1425MST 20 04 86

D998

U B186 DEB

MAHATHIR-PERPADUAN 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SISTEM POLITIK NEGARA YANG MEMBERI KEBEBASAN KEPADA RAKYAT MEMILIH KERAJAAN, MENGUTAMAKAN PEMILIHAN YANG BIJAK.

KATANYA HAK MEMILIH ITU SEBENARNYA MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB PADA RAKYAT UNTUK MENENTUKAN NASIB MEREKA SENDIRI.

+JIKA TERSALAH PILIH KITA SENDIRI AKAN MERASA AKIBATNYA, JIKA BIJAK MEMILIH KITA JUGA AKAN MENIKMATI KESANNYA,+ JELAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA SUASANA NEGARA YANG SIHAT ADALAH DALAM KEADAAN MASYARAKAT PELBAGAI KAUM SENTIASA +TIDAK BERPUASHATI+.

JIKA HANYA SESUATU KAUM SAHAJA BERPUASHATI, SEDANGKAN YANG LAIN TIDAK, BERMAKNA LAYANAN YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN TIDAK SEIMBANG ANTARA KAUM, JELAS BELIAU.

BELIAU MENGINGATI RAKYAT SUPAYA MENERIMA HAKIKAT BAHAWA SETIAP KAUM MEMPUNYAI FAHAMAN DAN IDEOLOGI YANG BERLAINAN. ATAS DASAR ITULAH KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMENUHI SETIAP YANG DIMINTA DEMI MEMELIHARA KEPENTINGAN SELURUH RAKYAT. -- BERNAMA

1429MST 20 04 86